

17.7.2019

## **KENYATAAN MEDIA**

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

## **PBAPP MAHU KOMERSIALKAN PROJEK R&D YANG MENANG ANUGERAH DAN MESRA ALAM**

- Projek “penukaran sisa air rawatan kepada bata tanah liat” PBAPP telah memperolehi 3 anugerah.
- PBAPP memohon cadangan untuk mengkomersialkan pengeluaran batu bata tanah liat mesra alam bagi industri pembinaan.

PULAU PINANG, Rabu (17.7.2019): Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) akan mengkomersialkan projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) guna semula sisa loji rawatan air (sisa LRA) yang memenangi anugerah, di Malaysia.

Melalui R&D, PBAPP telah membuktikan sisa LRA boleh dikitar semula sebagai bahan nilai tambah untuk mengeluarkan bata tanah liat bagi industri pembinaan.

Sisa LRA diklasifikasikan sebagai “bahan buangan berjadual” yang mesti dilupuskan dengan selamat, mengikut Peraturan-Peraturan “Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005”. Oleh itu, projek “penukaran sisa loji rawatan air kepada bata tanah liat” PBAPP berpotensi untuk:

- Mengitar semula sisa berjadual dengan cara pintar dan “hijau” (pada skala perindustrian);
- Menggunakan semula sisa LRA secara selamat sebagai bahan mentah untuk industri pembinaan; dan
- Mengurangkan kos pelupusan sisa berjadual untuk semua operator bekalan air di Malaysia.

Sehingga kini, PBAPP telah memenangi 3 anugerah untuk projek R&Dnya untuk mengitar semula sisa LRA sebagai bahan pembuatan bata:

Anugerah	Tarikh	Terima daripada
1 "Anugerah Emas" pada Konvensyen <i>Team Excellence</i> (RTEEx), Wilayah Utara 2019	11.7.2019	Perbadanan Produktiviti Malaysia
2 "Juara", Anugerah Inovasi Negeri Pulau Pinang 2016 (Kategori Bukan ICT)	28.11.2017	Kerajaan Negeri Pulau Pinang
3 "Tempat kedua Anugerah Inovasi" Persidangan dan Pameran Teknologi Hijau dan Produk Eco Antarabangsa (IGEM) 2017	13.10.2017	IGEM

#### Cadangan pengkomersialan

PBAPP telah membangunkan teknologi untuk mengitar semula dan menggunakan semula sisa LRA. Walau bagaimanapun, kami tidak mempunyai kepakaran, pengalaman dan sumber yang berkaitan untuk mengkomersialkan dengan jayanya.

Oleh itu, kami memohon cadangan daripada syarikat-syarikat yang berminat untuk mengkomersialkan projek R&D kami. Sebaik-baiknya, pihak-pihak yang berminat mestilah mempunyai kelayakan dalam pembuatan bahan-bahan binaan berskala industri, serta keupayaan yang relevan dalam jualan, pemasaran dan logistik.

Sila hubungi:

- Encik Teo Kah Cheong  
Tel : 04 200 6616 / Email : [kcteo@pba.com.my](mailto:kcteo@pba.com.my)
- Encik Mak Kok Yun  
Tel: 04 200 6689 / Email: [mak@pba.com.my](mailto:mak@pba.com.my)

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607 Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)

